

PENUKARAN KOD DALAM SURI HATI MR. PILOT: KUPASAN MOTIF

Hazlina Abdul Halim

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Majoriti Rakyat Malaysia mampu bertutur dalam sekurang-kurangnya dua bahasa maka, penukaran kod antara bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Malaysia, dan bahasa Inggeris, dilihat telah bertapak dan menjadi fitur wacana harian, terutama dalam kalangan masyarakat bandar. Dengan mengambil kira latar belakang interlocutor yang berbeza, adab dan motif penggunaan penukaran kod adalah berbeza menurut penutur. Sitkom Melayu dilihat menawarkan banyak sumber maklumat mengenai corak ucapan masyarakat bandar, terutamanya mengenai penggunaan penukaran kod. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan penggunaan penukaran kod dalam sitkom generik *Suri Hati Mr. Pilot* dengan mengadaptasikan klasifikasi oleh Holmes (2008). Kajian ini menggunakan 2 episod penuh daripada 16 episod secara keseluruhannya untuk transkripsi data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penukaran kod digunakan pada kata ganti nama, untuk menekankan sesuatu hujah atau pendapat dan untuk memudahkan bicara. Dapatan juga menunjukkan penukaran kod digunakan sebagai usaha akomodasi kepada pendengar, mewujudkan ikatan dalam hubungan dan sebagai panggilan mesra kepada seseorang. Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan walaupun *Suri Hati Mr. Pilot* adalah fiksyen, penukaran kod yang digambarkan berlaku dengan lancar mencerminkan wacana masyarakat bandar di Malaysia yang sebenar. Oleh itu, kajian akan datang diharapkan akan meneroka dengan lebih mendalam tentang aspek penukaran kod dalam media dan melihat wacana penukaran kod ini dari perspektif yang berbeza..

Kata Kunci:

Penukaran kod, Fitur Wacana, Sitkom generik, Motif, Penggunaan

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum, yang mana multilingualisme merupakan suatu praktik yang biasa, dengan bahasa Melayu sebagai bahasa utama, bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Kantonis, Hokien, Hakka, Tamil dan Telegu juga dipertuturkan secara meluas oleh masyarakat setempat. Oleh yang demikian, penggunaan lebih daripada satu bahasa untuk berkomunikasi bukanlah suatu yang mengejutkan. Ini dapat dijelaskan dengan penyatuan bangsa yang bernaung di bawah satu payung sebagai anak Malaysia, yang mana penukaran kod adalah kebiasaan dalam situasi formal dan tak formal masyarakat (Ting, 2007). Menurut David (1997), penukaran kod ialah satu bentuk manifestasi berbahasa dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama penukaran kod daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan sebaliknya.

Penukaran kod (PK) telah diberikan pelbagai definisi oleh ahli ilmiah. Haugen (1953) misalnya menyifatkan PK sebagai penggunaan dua bahasa secara bergilir, sementara Weng (2012) pula menjelaskan bahawa percampuran kod merupakan fenomema yang boleh diterima dan mendapat maklum balas positif serta berupaya menjadi alat pembelajaran yang efektif. Woon (2007) menyatakan bahawa bentuk linguistik percampuran kod boleh dikelaskan mengikut kata; frasa; dan ayat. Crystal (1987) pula menjelaskan penukaran kod atau bahasa berlaku apabila seseorang bilingual menggunakan dua bahasa secara bergilir semasa berkomunikasi dengan penutur bilingual yang lain.

Poplack (1988) menambah bahawa PK biasanya berlaku pada satu titik di mana struktur permukaan kedua-dua bahasa yang terlibat boleh dipadankan bersama. Bagi Myers-Scotton (1988)

pula, PK ialah satu perlakuan bahasa yang melibatkan penggunaan dua atau lebih ragam bahasa, dan berlaku dalam ayat atau antara ayat. Menurut Myers-Scotton (1988):

“Switching here maybe either intra or intersentential and often involves stretches of more than one word.”

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan PK seperti bahasa kiasan, bahasa khusus, permainan dwibahasa dan prinsip ekonomi (Li, 2000). Kajian Baker (2006) yang mengkaji PK di dalam bilik darjah mendapati PK digunakan untuk menerangkan sesuatu idea, menggantikan perkataan yang tidak diketahui, menjelaskan konsep spesifik, mengatasi kekurangan kosa kata, mendapatkan perhatian pendengar, memberi arahan, berkongsi maklumat dengan individu tertentu, menyampaikan perasaan, mengurangkan tekanan dan membawa unsur komedi dalam komunikasi. Li (2015) pula menjelaskan bagi seorang dewasa yang dwibahasa, pengubahsuaian kod bukanlah bererti beliau tidak mampu atau kurang fasih dalam bahasa tertentu, tetapi melambangkan kompetensi dwibahasa yang seimbang untuk mengalihkan kod kepada dua-dua bahasa yang dipertuturkan. Malahan kajian oleh Verreyt *et al.* (2016) yang melihat penukaran kod dalam sekumpulan orang dewasa Belanda-Perancis yang dwibahasa, menunjukkan bahawa penukaran kod oleh responden membolehkan mereka melakukan tugas-tugas yang mengukur kawalan kognitif dengan lebih sempurna. Dapatan ini disokong oleh Wu & Thierry (2013) yang mendapati responden dwibahasa bahasa Inggeris dan Welsh melakukan dengan lebih baik tugas yang memerlukan kawalan kognitif apabila mereka secara berselang-seli didedahkan dengan ayat dalam bahasa Inggeris dan Welsh daripada ketika mereka hanya didedahkan kepada ayat Welsh atau bahasa Inggeris sahaja.

Di samping itu, PK juga mempunyai fungsi tersendiri. Menurut Kanthimathi (2007), penukaran kod berfungsi untuk menonjolkan prestij dan tahap pendidikan yang tinggi. PK juga berfungsi sebagai penanda aras bahasa bidang tertentu, di mana terma yang digunakan adalah berbeza dengan bahasa biasa. Fungsi seterusnya ialah untuk menzahirkan perasaan dan emosi seseorang. PK juga digunakan untuk memberi arahan dengan menekankan tentang status dan kedudukan individu. Di samping itu, PK juga mempunyai fungsi pengulangan, fungsi sosial yang merujuk kepada hubungan seseorang individu dengan individu yang lain seperti keakraban dan kemesraan. Akhir sekali, PK sebagai fungsi rujukan, iaitu untuk memudahkan penjelasan dan huraian.

Malik (1994) pula dalam kajian beliau menyenaraikan 10 fungsi komunikasi untuk penukaran kod iaitu kekurangan istilah atau terma, kekurangan kosa kata, untuk mempamerkan mood penutur, penekanan hujah atau idea, kebiasaan seseorang, signifikasi semantik, mempamerkan identiti, melayani kehendak audiens yang berbeza, tujuan pragmatik dan untuk mendapat perhatian.

Menurut Gross (2006), penukaran kod merupakan satu strategi linguistik yang digunakan oleh penutur bilingual untuk menyatakan maksud sosial yang melangkaui pengisian rujukan sesuatu ucapan. Dalam kata lain, penukaran kod ialah hasil adaptasi bahasa dalam situasi yang berbeza. Seterusnya kajian Holmes (2008) menjelaskan 5 faktor yang menyebabkan seseorang menukarkan kod iaitu:

1. Peserta, solidariti dan status atau prestij

Menurut Holmes (2008), seseorang mungkin menggunakan satu bahasa untuk sapaan (untuk mempamerkan solidariti antara penutur dan pendengar) dan bahasa yang lain apabila terdapat pertukaran dimensi sosial seperti status pendengar ataupun persekitaran yang formal. Seseorang juga mungkin menukar bahasa kepada bahasa ibunda untuk mempamerkan kepada pendengar status beliau. Auer (2002) menambah yang penukaran kod menyerlahkan prestij tersembunyi yang ditonjolkan secara eksplisit melalui perbuatan.

2. Topik

Holmes (2008) menjelaskan seseorang yang bertutur lebih daripada satu bahasa lazimnya merasakan sesetengah topik lebih mudah dibincangkan dalam satu bahasa daripada bahasa lain yang dituturkan.

3. Penukaran untuk mempamerkan kemesraan

Seseorang penutur juga menukarkan kod untuk mempamerkan intimasi, dan beralih dari persekitaran formal kepada corak perbualan yang lebih intim dan mesra.

4. Penukaran metafora

Penukaran kod sebegini untuk tujuan retorik (Holmes, 2008) yang mana ia digunakan untuk menarik atau memujuk audiens. Menurut Nerghes (2011), penukaran kod akan menarik perhatian pendengar dan akan menaikkan motivasi mereka untuk mendengar mesej yang akan disampaikan.

5. Peminjaman leksikal

Penukaran kod sebegini adalah berpunca daripada kekurangan kosa kata dalam bahasa pertama. Semasa bertutur dalam bahasa kedua, sesetengah penutur ingin membawa bersama terma daripada bahasa pertama kerana mereka tidak perolehi terma yang sesuai dalam bahasa kedua. Mereka meminjam kosa kata daripada bahasa ibunda dalam menghuraikan konsep atau mendeskripsi bahan.

Kajian David & Dealwis (2010) tentang PK dalam filem Hindi “Slumdog Millionaire” mendapati BI dan bahasa Hindi ditukarkan kod disebabkan kedua-dua bahasa ini dipertuturkan secara meluas di Mumbai, tempat penggambaran filem tersebut. David & Dealwis (2010) menjelaskan fungsi penukaran kod dalam filem tersebut ialah untuk menjelaskan apa yang terjadi dalam filem tersebut yang melibatkan watak semasa kanak-kanak dan dewasa. Fungsi yang kedua ialah untuk menolong audiens yang tidak bercakap bahasa Hindi mengikuti dan memahami plot filem tersebut.

Seterusnya, kajian oleh Zurina Mohamed Nila & Paramasivam (2012) mengkaji penggunaan penukaran kod dalam filem *Gol & Gincu*. Kajian mereka mengkaji fungsi mikro dan makro penukaran kod dalam filem tersebut. Hasil kajian Zurina Mohamed Nila & Paramasivam (2012) mendapati fungsi makro dalam filem tersebut termasuklah akomodasi pertuturan, pembentukan identiti serta penonjolan kuasa. Mereka juga mendapati pelbagai fungsi mikro yang telah ditanamkan dalam wacana oleh watak dalam filem tersebut.

Ling *et al.* (2012) pula mengkaji penggunaan penukaran kod dalam filem *Sepet* oleh Yasmin Ahmad. Objektif kajian ini adalah melihat bagaimana penukaran kod dalam filem tersebut menggambarkan strategi komunikasi rakyat Malaysia yang berbilang kaum, dan faktor yang menyebabkan mereka menukarkan kod. Dapatan Ling *et al.* (2012) menunjukkan bahawa pengubahsuaian kod adalah gaya komunikatif penting dalam meletakkan makna merentasi filem dan amalan harian di Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan penggunaan penukaran kod dalam sitkom generik *Suri Hati Mr. Pilot* dengan mengadaptasikan klasifikasi oleh Holmes (2008). Sitkom *Suri Hati Mr. Pilot* adalah adaptasi dari novel dengan judul yang sama, hasil karya Dila Dyna, terbitan Penerbitan Kaki Novel Sdn.Bhd. dan telah diarahkan oleh Michael Ang dan Hadith Omar. Pemilihan sitkom ini ialah kerana ia berjaya mendapat 5.5 juta tontonan dan mencatat rekod tontonan tertinggi dalam sejarah drama di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai reka bentuk penyelidikannya. Bahan penyelidikan adalah dialog daripada sitkom *Suri Hati Mr. Pilot*, terbitan Penerbitan Kaki Novel Sdn.Bhd. dan arahan oleh Michael Ang dan Hadith Omar. Kajian ini menggunakan 2 episod penuh daripada 16 episod secara keseluruhannya untuk transkripsi data. Sitkom ini dilihat beberapa kali untuk membiasakan interaksi antara watak. Transkripsi data dibuat untuk keseluruhan 2 episod dan pengelasan PK dibuat untuk dialog yang ditukar kod kepada bahasa Inggeris (BI). Kajian ini mengadaptasikan teori fungsi PK oleh Malik (1994) dan Holmes (2008). Seterusnya, untuk setiap fungsi PK, diberikan contoh diikuti dengan pembenaran mengenai fungsinya.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati banyak penempelan kata-kata BI dalam sitkom *Suri Hati Mr. Pilot*. Secara amnya, terdapat dua bahasa yang digunakan secara bertukar ganti dalam penceritaan melalui watak iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Penonjolan Identiti dalam satu kumpulan

Menurut Yunita Reny Bani Bili (2017), antara faktor yang mempengaruhi PK ialah faktor sosial dan dimensi sosial seperti taraf pendidikan, prestij, dan kuasa seseorang. Dalam sitkom ini, penonjolan identiti dilihat daripada penukaran perkataan, frasa dan ayat kepada BI untuk menonjolkan kekuasaan dan status sebagai pembuat keputusan, seperti dalam Data 1:

Data 1

		Fungsi
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: Enough, Wardah! Tak de apa-apa lagi nak dibincangkan. Yang Walid tau sekarang ni, majlis tunang Wardah tetap akan berjalan Ahad depan.	Menonjolkan status sebagai bapa dan ketua keluarga
Warda Erina	: Walid <i>please don't do this</i> Walid. Habis Abang Mus macamana?	
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: Macamana apa lagi?	
Warda Erina	: <i>No if you ask me</i> , of course I will pilih Abang Mus	
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: Tak pernah berlaku dalam sejarah keturunan Al-Fattah, ko nak berkahwin dengan abang sepupu sendiri. Hubungan macam tu yang ko nak Walid restu? <i>Huh, no way! No way!</i> Kalau Wardah nak jugak, langkah mayat Walid.	Menonjolkan status sebagai bapa dan ketua keluarga

Data 1 di atas menunjukkan penonjolan identiti dalam keluarga melalui watak Tan Sri Khalid Al-Fattah, di mana PK digunakan untuk menekankan pendirian seorang ayah dan menonjolkan identiti beliau sebagai ketua keluarga. PK pada kata seru seperti 'Enough!' (cukup!) dan 'No way!' (tidak mungkin) menunjukkan pendirian dan ketegasan watak Tan Sri Khalid Al-Fattah dalam ujaran beliau.

Data 2

- Puan Sri Nabiha : Saya tak samakan abang dengan Nabi. Tapi, abang, sekurang-kurangnya... kita ikut, abang, kita ikut ajaran dan pesanan dia.
- Tan Sri Khalid Al-Fattah : *Now that is the problem*, awak tau tak? Dalam bab ni, saya tak mampu! Si Wardah tu dah tak de tempat dah dalam rumah ni selagi saya hidup!
- Puan Sri Nabiha : Astaghfirullahalazim, abang!
- Tan Sri Khalid Al-Fattah : *Enough!* Saya tak nak dengar nama dia lagi, saya tak nak awak cakap pasal dia lagi! *End of story!* *Full stop!* Menonjolkan status sebagai suami dan ketua keluarga

Dalam Data 2, penonjolan identiti ialah melalui watak Tan Sri Khalid Al-Fattah sebagai suami, di mana beliau menukarkan kod untuk memberikan kata putus melalui ayat seru ‘*End of story! Full stop!*’ (Keputusan muktamad! Itu sahaja!). Melalui ayat ini, ketegasan watak ditonjolkan sebagai pembuat keputusan untuk sesuatu perbincangan keluarga.

Penukaran untuk mempamerkan kemesraan

Menurut Doehler (2011), PK digunakan untuk mengutarakan sesuatu yang lebih senang dituturkan dalam bahasa yang lain, seperti ungkapan kemesraan, di mana seseorang lebih selesa memobilisasikan bahasa yang lain untuk ungkapan yang tidak senang dipertuturkan dalam bahasa ibunda.

Data 3

- Inara : *Baby,*
- Ejaz Fakhri : Hey
- Inara : Kenapa lambat sangat? You nak pindah sini ke?
- Ejaz Fakhri : Tu la *I* rasa *I* nak pindah sini, bawak barang semua pindah sini, terus duduk kat sini, kan senang?

Bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI) adalah bahasa yang menggunakan Subjek-Kata kerja-Objek jika dilihat daripada sudut susunan perkataan. Penggunaan ganti nama *I*, *you* dan *baby* dalam Data 3 mempamerkan keakraban dan keintiman watak Ejaz Fakhri dan kekasihnya Inara.

Data 4

- Puan Sri Nabiha : Hello! Hello! Wardah? Wardah! *Baby*, Umi really miss you. Wardah, *I miss*

*you. Say something, sayang Wardah,
umi rindu sangat dengan Wardah.
Come home please! I miss you baby!
Come back! Promise ya, please. Come
back, sayang. Hello? Wardah! Wardah?*

Che Su : Puan Sri? Pemanggil misteri lagi ke Puan Sri?

Hal yang sama dapat dilihat daripada dialog Data 4 yang menonjolkan kemesraan ibu kepada anaknya melalui PK kepada BM dalam ungkapan ‘*Say something, sayang*’ dan ‘*Come back, sayang*’. Dapatan ini menyokong dapatan Noor Azlina (1975) yang menyatakan antara sebab penting PK ialah untuk mempamerkan tahap persahabatan dan keintiman seseorang.

Penukaran metafora

Menurut Nerghes (2011), apabila seseorang penutur menggunakan PK dalam pemujukan dan secara retorik, mereka akan lebih mampu mencapai matlamat mereka dan memujuk pendengar. Ini adalah kerana penggunaan PK akan menarik perhatian yang diinginkan dan mencerminkan identiti sosioekonomi yang dapat memberikan penutur lebih kredibiliti dan kebolehpercayaan.

Data 5

		Fungsi
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: <i>Enough, Wardah! Tak de apa-apa lagi nak dibincangkan. Yang Walid tau sekarang ni, majlis tunang Wardah tetap akan berjalan Ahad depan.</i>	
Warda Erina	: <i>Walid please don't do this</i> Walid. Habis Abang Mus macamana?	Penukaran metafora: pemujukan
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: Macamana apa lagi?	
Warda Erina	: <i>No if you ask me, of course I will</i> pilih Abang Mus	Penukaran metafora: menarik perhatian
Tan Sri Khalid Al-Fattah	: Tak pernah berlaku dalam sejarah keturunan Al-Fattah, ko nak berkahwin dengan abang sepupu sendiri. Hubungan macam tu yang ko nak Walid restu? <i>Huh, no way! No way!</i> Kalau Wardah nak jugak, langkah mayat Walid.	

Data 5 menunjukkan penggunaan PK untuk menukar metafora kepada pemujukan melalui pernyataan ‘*please don't do this*’. Dalam pernyataan seterusnya iaitu ‘*No, if you ask me..*’, PK digunakan oleh watak untuk menarik perhatian tentang keputusan beliau dalam sesuatu perkara.

Data 6

Warda Erina	: Huh, tak boleh datang? <i>God, what are you saying?</i> Abang tak jadi kawin dengan Wardah, <i>is it?</i>	Penukaran metafora: penekanan hujah atau idea
Dr Muslim	: Bukan macam tu. Apa yang Wardah cakap tu, ada betulnya. Kita tak perlu buat parents kita macam ni. Balik la Wardah, insya Allah abang akan terangkan semuanya.	Penukaran metafora: pemujukan
Warda Erina	: <i>You can't do this to me! You can't do this to me. I've got nowhere else to go!</i>	Menekankan hujah : meraih perhatian

Hal yang sama diperhatikan melalui Data 6 yang mana PK digunakan untuk menekankan hujah (melalui *God, what are you saying?*), memujuk (melalui PK pada ayat 'Kita tak perlu buat parents kita macam ni') dan untuk meraih perhatian (pada ayat '*You can't do this to me! You can't do this to me. I've got nowhere else to go!*').

Topik

Menurut Holmes (2008), PK juga digunakan untuk membicarakan tentang topik yang khusus. Oleh yang demikian, penutur cenderung menggunakan lebih daripada satu bahasa untuk berbual tentang topik tersebut.

Data 7:

Ejaz Fakhri	Ok captain, <i>parking checklist. APU Bleed?</i> .
Kapten	<i>APU bleed fine</i>
Ejaz Fakhri	<i>Engines</i>
Kapten	<i>Engines performed</i>
Ejaz Fakhri	<i>Seat belts?</i>
Kapten	<i>Seat belts off</i>
Ejaz Fakhri	<i>External lights?</i>
Kapten	<i>External light off.</i>
Ejaz Fakhri	<i>Fuel pumps?</i>
Kapten	<i>Fuel pumps all off</i>
Ejaz Fakhri	<i>Park brakes?</i>
Kapten	<i>Park brakes all off.</i>
Ejaz Fakhri	<i>OK Captain, Parking checklist complete</i>
Kapten	<i>Thank you. Smooth landing. Well done</i>
Ejaz Fakhri	<i>Thank you captain</i>

Dalam Data 7 di atas, PK digunakan untuk membincangkan perihal prosedur pendaratan kapal terbang di mana perbualan di antara kedua juruterbang dan kapten ditukarkan terus kepada BI untuk memperihalkan perkara teknikal yang spesifik.

RUMUSAN

Sitkom Suri Hati Mr. Pilot adalah cerminan masyarakat Malaysia di bandar yang mana PK ialah suatu strategi dan memainkan peranan penting dalam komunikasi sosial dalam masyarakat. Dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa bahasa PK ialah gaya komunikatif penting dalam masyarakat. Ia dapat dirumuskan bahawa pengubahsuaian kod adalah gaya komunikatif yang penting dalam meletakkan makna di dalam sitkom dan sebagai amalan harian di Malaysia.

RUJUKAN

- Auer, P. (2002). *Code-switching in conversation: Language, interaction and identity*. New York: Routledge.
- Baker, C. (2006). *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism*, Bristol: Multilingual Matters.
- Chin, J. N. (1993). *Code – Switching among Malay Bilinguals in Kuala Lumpur*. An Unpublished Masters Thesis. Universiti Malaya.
- Crystal, D. (1987). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- David, C. (1997). *English as Global Language*, Cambridge: Cambridge University Press.
- David, M. K. & Dealwis, C. (2010). Learning from movies – “Slumdog Millionaire” and language awareness. *Language in India*, 10(2), 60-66.
- Doehler, S.P. (2011), Hallo! Voulez vous luncher avec moi hüt? Le "code switching" dans la communication par SMS, *Linguistik Online*, 48(1), 49-70.
- Gross, S. (2006). *Code-switching in the Encyclopedia of language and linguistics*. Amsterdam: Elsevier.
- Haugen, E. (1953). The analysis of linguistic borrowings. *Language*, 26, 210-231.
- Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics* (3rd ed.). London: Longman.
- Kanthimathi, K. (2007). Mixing mother tongue and English: Exploring the reasons and functions of code mixing. *The Second Biennial International Conference on Teaching and Learning of English in Asia: Exploring New Frontiers*, 14-16 Jun 2007, 1-12.
- Li, W. (2000). Dimension of Bilingualism. *The Bilingualism Reader*, 3-25, London: Routledge.
- Ling, L.Y., Ng Y.J., Chong, S. T., & Mohd Ariff Ahmad Tarmizi (2012). Code Switching in Sepet: Unveiling Malaysians' communicative styles. *British Journal of Arts and Social Sciences*, 6(2), 166-181.
- Malik, L. (1994). *Sociolinguistics: A Study of Code-switching*. New Delhi: Anmol.
- Myers Scotton, C. (1988). Code switching as indexical of social negotiations. In M. Heller (Ed.), *Codeswitching: Anthropological and sociolinguistic perspectives* (pp. 151-186). Berlin, Germany: Walter de Gruyter & Co.
- Nerghes, A. (2011). *The Impact of Code-Switching on Persuasion: An Elaboration Likelihood Perspective*. Wageningen : Wageningen University.
- Noor Azlina Abdullah (1975). *Code Switching Among Bilingual Malays : Some Observation*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Poplack, S. (1988). Contrasting patterns of code-switching in two communities. Dlm Heller, M. (pnyt). *Codeswitching* (hlm. 215-244). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Ting, S. H. (2007). Influence of ethnicity and hierarchical status on language choice in a multilingual organization in Sarawak. *Sarawak Museum Journal, Special issue No. 7, LXIV(85)*, 221-250.
- Verreyt, N., Woumans, E., Vandelanotte, D., Szmalec, A., & Duyck, W. (2016). The influence of language-switching experience on the bilingual executive control advantage. *Bilingualism: Language and Cognition*, 19(1), 181–190.
- Weng, P.S. (2012). Code-switching as a strategy use in an EFL classroom in Taiwan. *US-China Foreign Language*, (10) 10, 1669-1675.

- Woon, Y.H.J. (2007). Code-mixing: Linguistic form and socio-cultural meaning. *International Journal of Language, Society and Culture*, 21, 1-8.
- Wu, Y. J., & Thierry, G. (2013). Fast modulation of executive function by language context in bilinguals. *Journal of Neuroscience*, 33(33), 13533–13537.
- Yow, W. Q., & Li, X. (2015). Balanced bilingualism and early age of second language acquisition as the underlying mechanisms of a bilingual executive control advantage: Why variations in bilingual experiences matter. *Frontiers in Psychology*, 6, 164. DOI:10.3389/fpsyg.2015.00164.
- Yunita Reny Bani Bili (2017). Social Factors Prompting Adult Bilingual Speakers to Code Switch. *Englisia*, 4 (2), 90-98.
- Zurina Mohamed Nila, & Paramasivam, S. (2012). Code-Switching in Gol & Gincu, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 66(1), 169 – 175.